

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Khamis, 2 Julai 2020 4:02 ptg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: RANKING BERI IMPAK POSITIF KEPADA UNIVERSITI



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

2 JULAI 2020 / 10 ZULKAEDAH 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

RANKING BERI IMPAK POSITIF KEPADA UNIVERSITI



UUM ONLINE: Buat julung kalinya UUM tersenarai dalam Top 100 QS World University Rankings Under 50 dengan kedudukan di 81-90 berbanding 101-150 pada tahun sebelumnya yang merupakan satu pencapaian memberangsangkan.

Pendaftar UUM, Baharudin Yaacob berkata, berbekalkan Pelan Strategik Fasa 1 pada 2011- 2015 dan Pelan Strategik Fasa 2 pada 2016 - 2020, UUM melangkah ke arena antarabangsa dengan penuh bergaya.

Jelasnya, kedudukan ranking yang baik memberi impak positif kepada universiti dan menarik pelajar luar negara melanjutkan pengajian sekali gus menjana pendapatan Universiti.

“Ranking sangat penting agar UUM bersaing dengan Universiti lain khususnya universiti terkemuka luar negara dan satu platform yang diiktiraf dunia sebagai rujukan kepada pihak yang ingin bekerjasama dalam pelbagai bidang.

“Kejayaan ini bukan setakat pencapaian QS WUR ranking tetapi turut membanggakan kita dari segi penarafan lain seperti pencapaian dalam THE, Green Matric dan pelbagai ‘accreditations’ misalnya anugerah peringkat antarabangsa AACSB, AMBA, Beta Gamma Sigma dan lain-lain,” ujarnya.

Beliau mengucapkan tahniah kepada semua staf yang memainkan peranan masing-masing dalam menjayakan segala perancangan universiti.

“Staf akademik ada peranan dalam aspek PdP, penyelidikan, penerbitan, perundingan, sumbangan dan khidmat kemasyarakatan manakala staf pentadbiran dan profesional berperanan dalam membantu pihak pengurusan serta memberi khidmat teknikal kepada tenaga pengajar menjalankan tanggungjawab.

“Staf pelaksana pula menyokong segala proses kerja semua pihak mengikut bidang tugas masing-masing bak kata pepatah bagai aur dengan tebing, yang saling melengkapi dalam membantu menjayakan tugas,” katanya.

Kini pihak universiti juga sedang giat merangka Pelan Strategik fasa 3 yang akan bermula pada 2021 hingga 2025 yang mencakupi pelbagai aspek seperti penyelidikan dan penerbitan, program PdP, pembangunan modal insan, pembangunan sahsiah pelajar dan penjana kekayaan.

“Setiap staf juga harus menganggap institusi keramat ini sebahagian daripada hidup mereka yang mesti dipelihara, ditambahbaik, ditingkatkan imej dan kewibawaan, agar hasrat untuk menjadikan universiti ini sebagai Universiti Pengurusan Terkemuka dapat direalisasikan,” kongsi.

Menurut Bendahari, Eylani Ahmad, pengiktirafan ini bermakna kualiti UUM diiktiraf dunia dan mendapat kepercayaan dari segi tenaga akademik yang bagus, persekitaran kampus yang kondusif, infrastruktur yang lengkap dan kurikulum pengajian terkini.

“Bila ada jenama orang akan cari kita untuk bekerjasama dan kita mempunyai peluang untuk mengadakan kolaborasi dengan universiti terkemuka dan industri, pelajar yang berpotensi akan memilih untuk belajar di sini.

“Kita akan memerlukan penambahbaikan infrastruktur dan kemudahan pembelajaran yang melibatkan kos perbelanjaan jadi sokongan kementerian diperlukan untuk suntikan dana namun dalam jangka panjang, ini adalah peluang baik dalam meningkatkan pendapatan universiti melalui pelajar antarabangsa dan laluan komersil.

“UUM baru 36 tahun kita ada lagi 14 tahun untuk berada dalam liga ini dan tidak mustahil kita boleh melonjak lebih tinggi dengan adanya perancangan yang betul semoga warga UUM tekun bekerja, terus menyumbang idea serta mencetus inovasi,” tambahnya.

Manakala Ketua Pustakawan, Salleh Hudin Mustaffa berpendapat, fokus perlu diberikan terhadap penjana ilmu baru sesuai dengan keperluan dan kehendak industri semasa.

“Apabila banyak penemuan ilmu baru berlaku, dikongsikan melalui penerbitan ilmiah dan penerbitan awam, UUM akan dirujuk, pensyarah dan penyelidik akan dirujuk, sitasi terbitan akan meningkat, dan seterusnya membantu meningkatkan ranking ini.

Beliau berharap agar lebih ramai warga UUM dirujuk dan menjadi perunding industri di masa depan seterusnya mendorong bakal pelajar dan penyelidik memilih UUM sebagai destinasi untuk meningkatkan ilmu dan kemahiran.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.